A

Pendakwa Raya lwn Anes bin Akai dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN JENAYAH NO 41LB-4–1 TAHUN 2016
AHMAD BACHE PK
28 FEBRUARI 2017

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Sama ada saksi-saksi utama pendakwaan kredible dan boleh dipercayai — Sama ada pembelaan 'afterthought' serta penafian terpakai terhadap responden-responden — Sama ada majistret membuat andaian sendiri semasa menimbangkan kes pembelaan*

D

Ini adalah rayuan oleh pendakwa raya terhadap perintah mahkamah majistret melepas dan membebaskan responden-responden di akhir kes pembelaan. Responden-responden dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s 147 Kanun Keseksaan. Responden-responden terlibat dalam pergaduhan dengan
E lebih kurang 20 orang Myanmar yang bekerja di Sykt All Green di mana responden-responden mengalami kecederaan dan tiada orang Myanmar yang tercedera. Kes pendakwaan bergantung kepada keterangan SP3, SP4 dan SP5 yang merupakan tertuduh-tertuduh yang dituduh bersama
F responden-responden. Mereka telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman selepas mengaku bersalah. Di akhir kes pembelaan, majistret mendapati, antara lain, keterangan responden adalah lebih dipercayai dan lebih berkemungkinan daripada versi pendakwaan yang mana ianya telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Persoalan
G yang dikemukakan oleh perayu adalah: (a) sama ada pembelaan 'afterthought' serta penafian terpakai terhadap responden dalam kes ini; dan (b) sama ada tindakan majistret membuat andaian sendiri semasa menimbangkan kes pembelaan telah menjejaskan kes pendakwaan.

H **Diputuskan,** menolak rayuan pihak pendakwaan:

(1) SP3, SP4 dan SP5 adalah rakan sejenayah, mereka adalah musuh (*rival*) kepada responden-responden. Ia adalah amat merbahaya dan tidak selamat untuk bergantung kepada keterangan mereka. Tidak satu ketika
I pun majistret mengingatkan dirinya mengenai perkara-perkara ini. Di peringkat kes pendakwaan lagi, majistret tidak langsung membuat penganalisaan mendalam secara spesifik mengenai keterangan SP3, SP4 dan SP5 yang merupakan rakan sejenayah dan juga saksi-saksi utama pendakwaan. Mahkamah mendapati ini satu kesilapan majistret yang

serius dan memerlukan *interference* dari mahkamah (lihat perenggan 16 & 21).

(2) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesemua inti pati pertuduhan dan justeru itu, satu kes prima facie telah gagal dibuktikan. Responden-responden tidak sepatutnya dipanggil membela diri dan sepatutnya dilepas dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan lagi kerana ini adalah kerana saksi-saksi utama pendakwaan iaitu SP3, SP4 dan SP5 adalah rakan-rakan sejenayah dan mereka adalah saksi-saksi yang tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai. Apa-apa keterangan sokongan jika ada, tidak boleh diterima untuk menyokong keterangan saksi-saksi yang tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai (lihat perenggan 22–23 & 39).

(3) Mahkamah mendapati tidak benar wujudnya pembelaan 'afterthoughts'. Responden-responden telah 'memasukkan' pembelaan seawal mungkin, semasa kes pendakwaan, khususnya keterangan dokumentari yang ditandakan sebagai 'IDD' ketika kes pendakwaan. Di atas keterangan mahkamah membuat dapatan bahawa satu kes prima facie gagal dibuktikan. Tambahan pula, adalah tidak benar yang majistret membuat andaian sendiri semasa menimbangkan kes pembelaan. Beliau membuat inferens berdasarkan kepada fakta-fakta primari yang telah dibuktikan sebelum ini dan bukan dipetik dari awan-awanan (*pluck from the air*) (lihat perenggan 46–47).

[English summary

This is an appeal by the prosecution against the order of the magistrate court acquitting and releasing the respondents at the end of the defence case. The respondents were charged with an offence under s 147 of the Penal Code. The respondents were involved in a fight with more than 20 Myanmar nationals who worked at the Sykt All Green where the respondents suffered injuries and none of the Myanmar nationals were injured. The prosecution's case depended on the evidence of SP3, SP4 and SP5 who were the accused charged together with the respondents. They were convicted and sentenced after they pleaded guilty. At the end of the defence's case, the magistrate found that, inter alia, the evidence of the respondent was more credible and more probable than the version of the prosecution where it succeed in raising a reasonable doubt on the prosecution's case. The issues raised by the appellant were: (a) whether the defence's afterthought and denial was applicable to the respondent in this case; and (b) whether the magistrate's action in making his own assumption whilst considering the defence's case had jeopardised the prosecution's case.

Held, dismissing the appeal of the prosecution:

(1) SP3, SP4 and SP5 were accomplices, they were rivals to the respondents. It was very dangerous and unsafe to depend on their evidence. The magistrate did not remind himself of this matter at any point of time. At

the prosecution stage itself, the magistrate did not at all make a specific detail analysis of the evidence of SP3, SP4 and SP5 who were accomplices and the main witnesses for the prosecution. The court found that the magistrate had erred seriously and needed 'interference' from the court (see paras 16 & 21).

(2) The prosecution had failed to prove all the ingredients of the charge and hence, failed to prove a prima facie case. The respondents should not have been called for their defence and should have been acquitted and released at the end of the prosecution case because the main witnesses for the prosecution ie SP3, SP4 and SP5 were accomplices and they were not credible or unreliable witnesses. Any corroborated evidence, if any, was inadmissible to corroborate the evidence of the witnesses who were not credible and unreliable (see paras 22–23 & 39).

(3) The court found it untrue there exist the defence of afterthoughts. The respondents had 'admitted' defence as early as possible, during the prosecution, particularly the documentary evidence which was marked as 'IDD' during the prosecution case. Based on the evidence the court made a finding that a prima facie case had not been proven. In addition, it was not true that the magistrate had made his own assumption when considering the prosecution's case. He had made an inference based on the primary facts which had been proved before this and not pluck from the air (see paras 46–47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan secara am, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 42–89.

Kes-kes yang dirujuk

Chao Chong & Ors v PP [1960] 1 MLJ 238, MR (dirujuk)
Davies v Director of Public Prosecutions [1954] AC 378, HL (dirujuk)
Director of Public Prosecutions v Kilbourne [1973] 1 All ER 440, HL (dirujuk)
Kuan Ted Fatt v PP [1985] 1 MLJ 211, MP (dirujuk)
PP v Abdul Azizsou & Ors [1978] 2 MLJ 165 (dirujuk)
PP v Haji Ismail & Another [1940] 1 MLJ 76 (diikut)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561, MA (diikut)
PP v Mohd Azam bin Basiron and another trial [2004] 2 MLJ 556, MT (dirujuk)
PP v Nomezam Apandy bin Abu Hassan (No 2) [2008] 1 MLJ 681, MT (dirujuk)
Tan See Boon v PP [1966] 1 MLJ 219, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan ss 8, 114(b), 117
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 50(2)
Kanun Keseksaan s 147
Kanun Tatacara Jenayah s 112

Noriah bt Osman (Ainul Wardah bt Shahidan bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak perayu.
Siti (Roger Chan bersamanya) (Chan Weng Keng & Assoc) bagi pihak responden.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Kesemua tertuduh telah dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s 147 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pembelaan kesemua mereka telah didapati tidak bersalah dan dilepas dan dibebaskan oleh tuan majistret. Pendakwa raya merayu ke mahkamah ini dan mahkamah ini telah mengekalkan keputusan tersebut. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan-alasan kepada keputusan tersebut.

[2] Pertuduhan:

> Bahawa kamu pada 26.02.2014 jam lebih kurang antara 11.00 pagi hingga 12.00 tengahhari di kawasan kebun sayur, All Green Agritech, dalam daerah Gua Musang di dalam negeri Kelantan, ialah anggota suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan dalam melaksanakan tujuan bersama perhimpunan iaitu bergaduh dan melakukan kesalahan merusuh, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan.

FAKTA KES

[3] Menurut SP4 salah seorang daripada saksi pendakwa, pada 26 Februari 2014 semasa beliau sedang bekerja di ladang Sykt All Green jam lebih kurang 11 pagi, SP4 telah melihat rakan beliau bergaduh dengan orang asli. SP4 kemudiannya telah turun dari tempat beliau bekerja dan membawa kayu dan menyertai pergaduhan tersebut. Menurut SP4 OKT-OKT orang asli ini juga terlibat di dalam pergaduhan itu dan jumlah orang Myanmar yang terlibat pada masa itu adalah lebih kurang 20 orang. Menurut SP4 lagi, beliau telah gunakan kayu tersebut untuk memukul orang asli. Menurutnya, tiada orang Myanmar yang cedera dalam pergaduhan tersebut tetapi orang asli telah cedera. Menurut SP4 juga dia telah dituduh di atas dua kesalahan iaitu untuk kes ini dan untuk kes mendatangkan kecederaan yang mana SP4 telah

mengaku salah untuk kedua-dua pertuduhan dan telah dikenakan denda untuk kesalahan ini dan untuk kesalahan menyebabkan kecederaan.

[4] Versi pihak pembelaan pula ialah mereka (orang asli) sedang melalui kawasan tersebut untuk pergi ke kampung bersebelahan, kerana itulah satu-satunya jalan yang perlu dilalui. Namun begitu, mereka diserang oleh orang-orang Myanmar yang bekerja di Syarikat All Green, dan mendapat kecederaan.

INTI PATI PERTUDUHAN

[5] Mengikut *Mallal's Penal Law*, inti pati pertuduhan bagi kesalahan s 147 adalah seperti berikut:

(1) five or more persons were assembled;

(2) such assembling constituted an unlawful assembly, within the meaning of section 141;

(3) the accused was a member of that assembly;

(4) force or violence was used by him or any other member of the assembly; and

(5) such force or violence was used in the prosecution of the common object of the assembly.

PERSOALAN UNDANG-UNDANG YANG DIBANGKITKAN OLEH PENDAKWA RAYA

[6] Selaras dengan peruntukan s 50(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, persoalan undang-undang yang dikemukakan oleh pendakwa raya/perayu adalah seperti berikut:

(a) sama ada pembelaan 'afterthoughts' serta penafian terpakai terhadap responden dalam kes ini; dan

(b) sama ada tindakan tuan majistret membuat andaian sendiri semasa menimbangkan kes pembelaan telah menjejaskan kes pendakwaan.

DAPATAN MAJISTRET

[7] Di peringkat kes pendakwaan, tuan majistret telah membuat dapatan fakta bahawa dari keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh pendakwaan, satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan di peringkat kes pendakwaan. Dalam erti kata yang lain, kesemua intipati-intipati pertuduhan seperti dinyatakan di atas telah berjaya dibuktikan.

[8] Apabila pembelaan dipanggil tuan majistret telah melepas dan membebaskan OKT-OKT ('responden-responden') atas alasan bahawa pendakwa raya gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan OKT-OKT/responden-responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[9] Di ms 21 rekod rayuan, di dalam alasan penghakimannya, tuan majistret menyatakan:

> Di dalam kes ini setelah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan Mahkamah dapati pembelaan OKT-OKT ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Keterangan OKT-OKT ini bahawa mereka telah diserang oleh orang Myanmar dan bukannya mereka yang menyerang telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan kerana jika benar mereka diserang maka mereka bukanlah satu anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang seperti yang dipertuduhkan.
>
> Terdapat dua versi keterangan kejadian ini dimana menurut saksi pendakwaan OKT-OKT ini yang menyerang orang Myanmar terlebih dahulu, manakala menurut pihak pembelaan OKT-OKT ini hanya lalu di kawasan tersebut dan mereka telah diserang oleh orang Myanmar.
>
> Mahkamah berpendapat versi keterangan ketiga-tiga OKT ini bahawa mereka bukannya ke tempat orang Myanmar bekerja untuk merusuh sebaliknya mereka hanya lalu di kebun All Green untuk ke Kg Kuala Tahu untuk perbincangan yang diadakan bersama ketua adat dan di ketika sampai di kawasan tersebut mereka telah diserang oleh orang-orang Myanmar yang bekerja di kebun tersebut lebih dipercayai kerana keterangan ini disokong oleh SD4 yang mana telah memberikan keterangan bahawa sememangnya satu mesyuarat yang melibatkan OKT-OKT ini telah ditetapkan pada hari tersebut dan terpaksa dibatalkan kerana kejadian ini. SD4 juga memberikan keterangan bahawa dia nampak SD1 dalam keadaan ketakutan dan SD1 juga telah menceritakan bahawa dia telah dikejar oleh orang Myanmar.

[10] Di dalam erti kata lain, tuan majistret telah melepas dan membebaskan tertuduh-tertuduh setelah mendapati, antara lain keterangan-keterangan tertuduh (iaitu versi pembelaan) adalah lebih dipercayai dan lebih *probable* daripada versi pendakwaan yang mana ianya telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[11] Mahkamah ini telah meneliti dan menilai kesemua keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan dan juga saksi-saksi pembelaan. Di peringkat kes pendakwaan, mahkamah ini telah membuat penilaian maksima terhadap kes pendakwaan termasuk penilaian maksima terhadap keterangan-keterangan saksi-saksi utama pendakwaan. Mahkamah

berpendapat tuan majistret telah terkhilaf di dalam memutuskan bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan. Mahkamah ini berpendapat sebaliknya dan tertuduh-tertuduh/responden-responden sepatutnya dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri di atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan di bawah.

[12] Kes pendakwaan adalah bergantung kepada keterangan-keterangan SP3, SP4 dan SP5 yang juga merupakan tertuduh-tertuduh yang dituduh bersama dengan responden-responden. Mereka telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman setelah mengaku bersalah. Kini mereka menjadi saksi utama pendakwaan terhadap responden-responden ('OKT4', 'OKT5' dan 'OKT6'). Dalam kes ini, SP3 adalah OKT3, SP4 adalah OKT1 dan SP5 adalah OKT2. Adalah jelas mereka ini adalah rakan sejenayah.

[13] Walaupun undang-undang menyatakan bahawa sesuatu sabitan boleh dikekalkan walaupun ianya berdasarkan keterangan seorang rakan sejenayah, namun pendekatan secara berhati-hati adalah wajar dilakukan oleh seseorang hakim bicara apabila menerima keterangan mereka, apatah lagi jatuh atau bangunnya kes pendakwaan bergantung kepada keterangan-keterangan mereka seperti di dalam kes ini.

[14] Di dalam kes *Davies v Director of Public Prosecutions* [1954] AC 378 (HL), mahkamah menyatakan mengenai rakan sejenayah (*accomplice*) sebegini: 'accomplices include all persons who participate in the offence, or receivers of stolen goods in the case of a trial for theft, or persons involved in other offences held to be admisable in relation to the offence charged' — (lihat juga kes *Public Prosecutor v Abdul Azizsou & Ors* [1978] 2 MLJ 165; *Kuan Ted Fatt v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 211 (MP); dan *Public Prosecutor v Nomezam Apandy bin Abu Hassan (No 2)* [2008] 1 MLJ 681).

[15] Undang-undang mantap juga telah menyatakan keterangan mereka 'are to be regarded with suspicion' (lihat *Chao Chong & Ors v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 238).

[16] Malahan bukan sahaja SP3, SP4 dan SP5 adalah rakan sejenayah, mereka ini adalah musuh (*rival*) kepada responden-responden. Justeru itu, adalah amat berbahaya dan tidak selamat untuk bergantung kepada keterangan SP3, SP4 dan SP5. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tan See Boon v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 219, pernah berkata:

> ... An accomplice is an infamous person and as such not deserving of belief. He has an obvious interest in diverting blame from himself to the person against whom he testifies. He also has an obvious interest in currying favour with the authorities in whose hands his own fate lies and by reason of his knowledge as an accomplice he is in a peculiarly favourable position to concoct plausible false evidence.

[17] Tidak satu ketika pun tuan majistret mengingatkan dirinya mengenai perkara-perkara ini. Malahan di dalam alasan penghakimannya, tuan majistret hanya berkata seperti berikut di ms 15 rekod rayuan.

> Setelah penilaian secara maksima ke atas semua keterangan saksi-saksi pendakwaan termasuk daripada aspek kebolehpercayaan atau kredibiliti saksi-saksi, Mahkamah dapati pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT.

[18] Mahkamah juga di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Azam bin Basiron and another trial* [2004] 2 MLJ 556 pernah berkata:

> ... the court observed that when dealing with the evidence of a accomplice, the need for corroboration arises from the nature of a witness who is somebody who may have an interest in making out the guilt of another in preference to his own, and that the evidence of an accomplice must, therefore, be received with the greatest possible caution as it is not unlikely that he would not give unfaithful evidence under the circumstances.

[19] Seksyen 114(b) Akta Keterangan menyatakan bahawa:

> ... the court may presume that an accomplice is unworthy of credit, unless he is corroborated in material particulars.

Di dalam kes *Public Prosecutor v Nomezam Apandy bin Abu Hassan (No 2)* mahkamah menyatakan jika rakan sejenayah tersebut memainkan peranan yang aktif keterangannya perlu disokong dengan keterangan dan jika pasif, keterangannya boleh diterima dengan 'the usual corroboration warning'.

[20] Namun begitu adalah menjadi undang-undang mantap bahawa keterangan sokongan hanyalah terpakai kepada saksi yang *credible* sahaja. Jika saksi tersebut tidak *credible* maka isu keterangan sokongan tidak wujud langsung. Ini adalah sejajar dengan keputusan House of Lords di dalam kes *Director of Public Prosecutions v Kilbourne* [1973] 1 All ER 440 di ms 452 yang menyatakan seperti berikut:

> Corroboration is only required or afforded if the witness requiring corroboration or giving it is otherwise credible. If his evidence is not credible, a witness's testimony should be rejected and the accused acquitted, even if there could be found evidence capable of being corroboration in other testimony. Corroboration can only be afforded to or by a witness who is otherwise to be believed. If a witness's testimony falls of its own inanition the question of his needing, or being capable of giving, corroboration does not arise.

[21] Jelasnya, di peringkat kes pendakwaan lagi, tuan majistret tidak langsung membuat penganalisaan mendalam secara spesifik mengenai keterangan SP3, SP4 dan SP5 yang merupakan rakan sejenayah dan juga merupakan saksi-saksi utama pihak pendakwaan. Sedangkan mengikut *Public*

Prosecutor v Haji Ismail & Another [1940] 1 MLJ 76 seseorang majistret seharusnya menentukan sama ada seseorang saksi itu adalah rakan sejenayah bagi menentukan dia seorang saksi yang *credible* terlebih dahulu. Mahkamah mendapati ini satu kesilapan tuan majistret yang serius yang memerlukan 'interference' dari mahkamah ini.

[22] Mahkamah ini, setelah meneliti kes pendakwaan secara maksimum dan setelah mengambil pendekatan-pendekatan seperti yang dihuraikan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesemua intipati-intipati pertuduhan dan justeru itu satu kes prima facie telah gagal dibuktikan dan responden-responden/OKT-OKT tidak sepatutnya dipanggil membela diri.

[23] Ini adalah kerana mahkamah mendapati bahawa saksi-saksi utama pendakwaan iaitu SP3, SP4 dan SP5 adalah rakan-rakan sejenayah dan mereka adalah saksi-saksi yang tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, apa-apa keterangan sokongan jika ada, adalah tidak boleh diterima untuk menyokong keterangan-keterangan saksi-saksi yang tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai.

[24] Mahkamah akan memberi justifikasi kenapa mahkamah berpendapat bahawa SP3, SP4 dan SP5 adalah saksi yang tidak *credible* dan tidak boleh dipercayai seperti di bawah.

[25] Adalah menjadi kes pembelaan bahawa OKT-OKT/responden-responden adalah diserang oleh SP3, SP4 dan SP5 dan beberapa orang-orang Myanmar yang lain ketika mereka sedang melalui tempat kejadian untuk pergi ke kampung bersebelahan untuk bermesyuarat dengan tok batin. Mereka tidak pergi ke tempat kejadian untuk bergaduh. Pembelaan ini telah dicadangkan di peringkat kes pendakwaan seawal mungkin lagi oleh OKT-OKT/responden-responden. OKT-OKT telah mendapat kecederaan teruk manakala tiada kecederaan yang dialami oleh SP3, SP4 dan SP5 serta orang-orang Myanmar yang lain yang kesemuanya berjumlah dalam anggaran 20 orang. Motifnya adalah kerana orang-orang Myanmar tidak berpuas hati dengan apa yang berlaku pada hari sebelum itu iaitu pada 25 Februari 2014 di mana berlakunya pergaduhan di antara orang asli dan orang Myanmar, di mana OKT-OKT/responden-responden tidak terlibat langsung.

[26] Pembelaan ini telah disokong oleh beberapa keterangan dokumentari yang telah dikemukakan oleh pihak pembelaan melalui saksi-saksi pendakwa semasa kes pendakwa lagi khususnya pernyataan saksi-saksi (OKT-OKT sebagai tertuduh) yang dirakamkan di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah. Ini dibenarkan berdasarkan keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Public*

Prosecutor v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (MA) yang membenarkan pernyataan amaran tertuduh (ketika itu) dimasukkan melalui pegawai penyiasat di peringkat kes pendakwaan. Kes itu juga adalah autoriti yang mengesahkan bahwa pembelaan dibenarkan memasukkan apa-apa keterangan pembelaan mereka di peringkat terawal sekali yakni di peringkat kes pendakwaan.

[27] Di dalam kes ini pernyataan saksi OKT 4 ('responden pertama') (ditanda sebangai IDD14) telah dikemukakan melalui SP7, Insp Ishak bin Jumain. Antara lain OKT 4 menyatakan ketika melalui tempat kejadian bersama OKT5 dan OKT6 untuk pergi ke kampung sebelahan iaitu Kampung Tau, mereka telah diserang oleh orang-orang Myanmar dan mereka tidak mampu melawan dan mereka telah mengalami kecederaan.

[28] Sedutan rakaman percakapan di dalam pernyataan saksinya adalah seperti berikut:

S:	Adakah kamu bersama Itam dan Rahman ada melawan balik serangan Myanmar dan Burma?
J:	Tak ada lawan
S:	Apakah tujuan kamu pergi ke Kebun Tomato 'All Greenn'?
J:	Kami lalu sahaja sebab kalau nak pergi Kuala Tau kena lalu situ
S:	Adakah kamu ada pergi ke Kebun Tomato All Green pada 25 Februari 2014?
J:	Tak ada.

[29] Saksi ini juga mengesahkan bahawa oleh kerana penyerang-penyerang orang Myanmar ini ramai, beliau tidak dapat cam mereka. Saksi ini juga berkata motosikalnya rosak teruk kerana dilanggar oleh traktor orang Myanmar. Saksi ini juga sahkan bahawa OKT5 dan OKT6 mendapat kecederaan di kepala.

[30] Gambar-gambar yang dimasukkan melalui SP3 di peringkat kes pendakwaan yang berkaitan dengan saksi ini adalah menyedihkan iaitu di IDD7 (ms 153 rekod rayuan). Kelihatan OKT4 yang cedera dan motosikalnya yang rosak teruk.

[31] Satu lagi keterangan dokumentari yang telah dimasukkan di peringkat kes pendakwaan ialah pernyataan saksi Itam bin Anjang, OKT5 ('responden kedua') dan telah diterima masuk sebagai IDD 15 melalui saksi SP7 juga.

[32] Dari pernyataan saksinya yang dirakam di bawah s 117 (ditanda

IDD15 di peringkat kes pendakwaan) beliau telah menceritakan bahawa beliau dan OKT4 dan OKT6 diserang oleh orang-orang Myanmar. Berikut adalah sedutan daripada pernyataan saksi beliau tersebut seperti di ms 173 rekod rayuan seperti berikut:

S:	Apakah sebab kamu dipukul oleh orang Myanmar dan Burma?
J:	Saya tak tahu sebab apa
S:	Apakah kecederaan yang kamu alami?
J:	Kepala sebelah kiri cedera kena pukul dengan kayu papan dua-dua. Saya kena tujuh jahit.
S:	Apakah kecederaan yang dialami oleh Anes dan Rahman?
J:	Rahman kena 15 jahit di kepala sebelah kanan. Anes tak cedera. Tapi motosikalnya rosak.
S:	Adakah kamu kenal dan cam lelaki yang memukul kamu?
J:	Tak kenal. Ramai sangat. Mana nak kenal
S:	Kamu dipukul dengan menggunakan apa?
J:	Kayu papan dua-dua.

[33] OKT5 ('responden kedua') ini ada membuat aduan ke Bukit Aman pada 4 Mac 2014 iaitu satu minggu selepas kejadian yang sekali lagi menceritakan bahawa mereka diserang oleh orang-orang Myanmar dan pihak polis tidak mengambil apa-apa tindakan positif. Ini dapat dilihat di IDD16 (ms 176 rekod rayuan). Tambah-tambah lagi gambar di IDD7 (ms 154 rekod rayuan yang dimasukkan melalui SP3) menunjukkan kecederaan yang dialaminya.

[34] Bagi OKT6 ('responden ketiga') bernama Rahman, keterangan dokumentar yang kukuh di peringkat kes pendakwaan mengenainya ialah gambar IDD7 di ms 155 di mana ianya begitu 'telling'. Kecederaan dikepalanya adalah amat teruk yang memerlukan 15 jahitan dan beliau pengsan beberapa hari dan dimasukkan ke wad ICU.

[35] Keterangan-keterangan yang dirujuk di atas menunjukkan bahawa SP3, SP4 dan SP5 tidak bercakap benar di mahkamah apabila mereka menyatakan ada berlakunya pergaduhan dan berlakunya serang menyerang di antara pihak orang Myanmar dan orang asli sedangkan orang asli sahaja yang telah diserang dan mereka adalah OKT-OKT sahaja. Berdasarkan keterangan itu dan keadaan sekeliling, mahkamah tidak mempercayai keterangan SP3, SP4 dan SP5 ini lantas mereka menjadi saksi yang tidak *credible* di mata mahkamah.

[36] Hukum akal ataupun logik juga akan menunjukkan bahawa memandangkan kesemua orang Myanmar tidak mendapat sebarang kecederaan tetapi sebalinya pihak orang asli iaitu OKT3, OKT4 dan OKT5 mendapat kecederaan, satu inferens boleh dibuat dan tidak boleh disangkal iaitu yang menyerang adalah orang Myanmar dan mangsa adalah orang asli.

[37] Tambah-tambah lagi dengan motif yang boleh di *infer* (s 8 Akta Keterangan) melalui pergaduhan yang berlaku sesama kedua-dua pihak satu hari sebelum itu, iaitu pada 25 Februari 2014 maka SP3, SP4 dan SP5 ada sebab untuk menyerang dan memukul OKT-OKT sebagai membalas dendam (*having an axe to grind*). Mahkamah juga berpendapat adalah tidak logik jika OKT-OKT/responden ini datang ke tempat kejadian untuk menyerang SP3, SP4 dan SP5 dan orang-orang Myanmar lain yang jumlahnya hampir 20 orang sedangkan OKT-OKT/responden hanya bertiga sahaja.

[38] Satu lagi pendekatan ialah untuk melihat kes ini secara *totality* di peringkat kes pendakwaan sama ada apa yang dikatakan oleh SP3, SP4 dan SP5 adalah *probable* atau tidak. Adalah jelas ianya adalah tidak *probable*.

[39] Di atas alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan-keterangan SP3, SP4 dan SP5 adalah tidak boleh dipercayai dan tidak boleh disokong oleh keterangan-keterangan lain. Justeru itu, di peringkat kes pendakwaan sendiri mahkamah mendapati bahawa initipati-intipati pertuduhan tidak berjaya dibuktikan yang menyebabkan satu kes prima facie gagal dibuktikan oleh pihak pendakwa. Paling hampir ialah OKT-OKT telah terbukti berada di tempat kejadian sahaja. Justeru itu, OKT-OKT/responden-responden sepatutnya dilepas dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan lagi, kerana satu kes prima facie telah gagal dibuktikan.

Penganalisaan terhadap kes pembelaan

[40] Andainya dapatan mahkamah ini salah seperti yang dinyatakan sebelum ini, iaitu penilaian di peringkat kes pendakwaan, mahkamah ini kini akan menilai keterangan-keterangan saksi-saksi di peringkat pembelaan

[41] Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan lisan kesemua tertuduh iaitu OKT4, OKT5 dan OKT6. Hasil penganalisaan mahkamah, mahkamah ini kekal dengan dapatannya bahawa OKT4 ('responden pertama') adalah seorang saksi yang *credible*. Keterangan beliau yang beliau telah diserang oleh orang Myanmar bersama dengan OKT5 dan OKT6 ketika melalui tempat kejadian, adalah konsisten dengan rakaman pernyataannya di IDD14 (sekarang 'D14'). Tambahan pula, keterangan lisan beliau yang lebih *detail* ini disokong dengan gambar-gambar kecederaan teruk yang dialaminya di IDD7 (rekod rayuan ms 153) (sekarang sebagai 'D7'). Ianya turut disokong dengan

laporan polisnya di D18 (ms 179 rekod rayuan).

[42] Mahkamah juga telah meneliti keterangan lisan OKT5 ('responden kedua') mahkamah kekal mendapati bahawa beliau adalah seorang saksi yang *credible* juga. Keterangan lisannya yang mengesahkan beliau beserta OKT4 dan OKT6 diserang oleh orang-orang Myanmar adalah konsisten dengan rakaman pernyataannya di IDD15 (sekarang 'D15'). Melalui keterangan lisannya beliau mendapat kecederaan teruk di kepala dan dijahit dengan tujuh jahitan dan konsisten dengan pernyataannya D15. Keterangannya disokong oleh gambar kecederaannya di ms 181 di D20 selain di IDD7 di ms 153. Beliau juga telah membuat aduan ke Bukit Aman yang mengesahkan mereka telah diserang dan tindakan pasif pihak polis tempatan (lihat 'D16').

[43] Mahkamah juga telah meneliti keterangan lisan OKT6 ('responden ketiga') Mahkamah juga kekal mendapati beliau adalah seorang saksi yang *credible* juga. Beliau memberitahu bahawa beliau diserang oleh orang-orang Myanmar dan mendapat kecederaan yang teruk di kepala yang memerlukan 15 jahitan. Beliau dimasukkan ke hospital. Kecederaannya disokong dengan gambar di D24.

[44] Setelah mempertimbangkan kes pendakwaan dan pembelaan, mahkamah masih kekal dengan dapatan mahkamah ini bahawa SP3, SP4 dan SP5 adalah saksi yang tidak boleh dipercayai dan keterangan-keterangan OKT4, OKT5 dan OKT6 boleh dipercayai. Justeru itu mahkamah mendapati bahawa berdasarkan keterangan saksi pembelaan yang kukuh dan *credible*, pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan pihak pendakwaan gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Justeru itu OKT-OKT patut dilepas dan dibebaskan.

[45] Ke arah itu mahkamah ini bersetuju dengan dapatan tuan majistret yang telah membuat dapatan fakta di dalam alasan penghakimannya seperti berikut:

> Di dalam kes ini setelah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan mahkamah mendapati pembelaan OKT-OKT ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan kerana jika benar mereka diserang maka mereka bukanlah satu anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang seperti yang dipertuduhkan.
>
> Versi keterangan OKT juga munasabah untuk dipercayai kerana jikalau benar OKT-OKT ini ingin melakukan pergaduhan atau pun rusuhan di tempat tersebut sudah pastinya untuk keselamatan mereka tidak akan pergi bertiga sahaja sebaliknya akan pergi dalam jumlah yang ramai kerana di kebun tersebut adalah tempat dimana orang Myanmar bekerja dan OKT juga dengan mudahnya dapat mengumpulkan sebilangan ramai orang asli dan OKT-OKT ini juga merupakan

ketua kampung di kawasan tersebut. Dengan hanya ke tempat kejadian bertiga sahaja ini menunujukkan mereka sebenarnya hanya lalu di kawasan tersebut untuk ke Kg Kuala Tahu dan bukannya untuk bergaduh dan merusuh di situ.

Selain itu juga, jika melihat dari segi kecederaan juga hanya di pihak orang asli yang cedera iaitu SD2 dan SD3 yang mengalami kecederaan di kepala. Sekiranya benar mereka merusuh dan menyerang orang Myanmar terlebih dahulu sudah pasti aka nada juga kecederaan dialami oleh orang Myanmar. Oleh itu, cerita mereka diserang oleh orang Myanmar adalah lebih dipercayai berbanding dengan versi pihak pendakwaan yang mengatakan orang asli yang menyerang terlebih dahulu.

Mahkamah juga berpendapat di dalam kes ini pihak Pendakwaan telah gagal untuk membuktikan melampaui keraguan munasabah tujuan bersama (*common object*) untuk bergaduh dan merusuh seperti di dalam pertuduhan kerana OKT-OKT ini sebenarnya diserang dan bukannya mereka yang menyerang sepertimana keterangan pembelaan mereka.

Keterangan saksi-saksi pembelaan jika konsisten antara satu sama lain dan ini menunjukkan mereka adalah saksi yang *credible* dan boleh dipercayai.

[46] Bagi melengkapkan alasan ini, pihak pendakwaan ada menyoalkan bahawa wujudnya permbelaan 'afterthoughts'. Mahkamah ini mendapati bahawa ianya adalah tidak benar. Seperti yang telah dinyatakan mahkamah, OKT-OKT/responden-responden telah 'memasukkan' pembelaan mereka seawal mungkin lagi semasa kes pendakwaan, khususnya keterangan-keterangan dokumentar yang ditandakan sebagai 'IDD' ketika kes pendakwaan. Di atas keterangan-keterangan itulah mahkamah membuat dapatan bahawa satu kes prima facie telah gagal dibuktikan seperti yang dihuraikan sebelum ini.

[47] Pihak pendakwaan juga ada menyoalkan bahawa pihak majistret telah membuat andaian sendiri semasa menimbangkan kes pembelaan. Ini adalah tidak benar. Tuan majistret membuat inferens berdasarkan kepada fakta-fakta primari yang telah dibuktikan sebelum ini, dan bukan dipetik dari awan-awanan (*pluck from the air*).

KESIMPULAN

[48] Sebagai kesimpulan rayuan pendakwa raya ditolak. Keputusan tuan majistret untuk melepas dan membebaskan OKT-OKT/responden-responden dikekalkan.

Rayuan pihak pendakwaan ditolak.

Dilaporkan oleh Nisha Paran